


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11 pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites...

Sheik dipilih untuk kali ketiga

BERITA HARIAN, 8 October 2005, Page 49

 Article also available on Microfilm Reel NL26503

Printer-Friendly Page

Sheik dipilih untuk kali ketiga

ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KEJURULATIHAN

 Scroll to Top

KEJAYAAN yang dinikmati ini bukan untuk diri sendiri, sebaliknya bakal dicurah kepada ahli sukan negara yang lain.

Inilah kata-kata Pengarah Teknikal dan Ketua Jurulatih Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, yang membantu meletakkan Singapura dalam peta pencak silat antarabangsa.

Semalam, di Dewan Persidangan Politeknik Singapura, Sheik Alauddin dipilih buat kali ketiga menerima Anugerah Pengiktirafan Jurulatih, yang diperkenalkan oleh

oleh **Mohd Sani Ali**

Majlis Sukan Singapura (SSC) sejak 2002.

Sheik Alauddin adalah antara tiga jurulatih yang dipilih menerima anugerah Kejurulatihan Prestasi Tinggi (Pertandingan Senior) bersama jurulatih bola sepak nasional, Radojko 'Raddy' Avramovic, dan Calvin Yew, daripada bina badan.

Bagi Sheikh Alauddin, pengiktirafan ini juga merupakan pengiktirafan negara buat silat.

"Kini matlamat kami ialah menempatkan Singapura sebagai antara gergasi pencak silat dunia," jelas Sheik Alauddin, yang turut menerima biasiswa kejurulatihan SSC

untuk tiga tahun.

Turut menerima pengiktirafan atas sumbangan mengembangkan silat ialah Jamaludin Jamil (bagi kategori kelab); Mohd Asadullah Karimullah (kategori Persatuan Sukan Nasional); dan Akhmad Radihiansyah Yuliadi (pembinaan bakat).

Buat julung-julung kalinya juga, empat jurulatih — Sheik Alauddin, Gerard Martin Danker (hoki), Chan Kok Wah (ragbi) dan Kelvin Tan (kapal layar) menerima biasiswa kejurulatihan.

Enam lagi jurulatih iaitu Asnadi Robani, Mohamad Hidayat Hosni dan Rafeah Rashid serta Jef-

frey Koh (bola keranjang) dan Chua Yong Joo (badminton) menerima dermasiswa kejurulatihan.

Awal dari itu, Menteri Negara Kanan (Undang-undang merangkap Ehwal Dalam Negeri), Profesor Madya Ho Peng Kee, selaku tetamu terhormat, akur akan peranan jurulatih dan sumbangan mereka dalam meningkatkan mutu sukan setempat.

Beliau juga menekankan pentingnya kemudahan, dana serta sokongan ibu bapa selain jurulatih untuk memastikan Singapura mampu menghasilkan bakat sukan yang terbaik untuk bersaing di peringkat antarabangsa.



PENGHARGAAN BERSAMA: Pengarah Teknikal dan Ketua Jurulatih Persekutuan Silat Singapura (Persisi) Sheik Alauddin Yacoob (*tiga dari kanan*), bersama jurulatih (*dari kiri*) Rafeah Rashid, Akhmad Radhiansyah Yuliadi, Jamaludin Jamil, Asnadi Robani, Mohd Hidayat Hosni dan Mohd Asadullah Karimullah, selepas menerima Anugerah Pengiktirafan Jurulatih dan dermasiswa di Dewan Persidangan Politeknik Singapura petang semalam.

foto Khalid Baba